



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA TECHLYMPICS 2026 – 135 SEKOLAH DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERENTAP DI PERINGKAT ZON SELATAN DALAM CABARAN AI, ROBOTIK, DRON, KEJURUTERAAN DAN INOVASI

SEGAMAT, 23 JULAI 2026 – Malaysia Techlympics merupakan inisiatif MOSTI dalam usaha memupuk minat generasi muda terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pendekatan pertandingan yang lebih menyeronokkan, membudayakan belia dengan minda kritikal, set kemahiran dan inovasi yang lebih bermakna serta berimpak tinggi.

Penganjuran Malaysia Techlympics 2026 Peringkat Zon Selatan membuka tirai pertandingan saringan peringkat zon pada tahun ini. Seramai 2,300 peserta dari 135 sekolah dan institusi pengajian tinggi di Johor dan Melaka telah layak ke Pertandingan Peringkat Zon Selatan kali ini untuk bersaing bagi melayakkan diri ke Peringkat Akhir Kebangsaan yang akan diadakan pada bulan November 2026 di MAEPS, Serdang, Selangor. Pertandingan Malaysia Techlympics Peringkat Zon Selatan kali ini telah berlangsung di Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR, UMT), Segamat selama dua hari iaitu 22 dan 23 Julai 2026.

Dalam ucapan oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, penganjuran matlamat dan objektif utama penganjuran Malaysia Techlympics adalah pembudayaan STI kepada kumpulan sasar melalui pendekatan secara praktikal (*hands-on*) dan tidak formal serta melalui kaedah pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dan pertandingan melibatkan pelajar dan belia di semua peringkat umur, jantina dan bangsa.

MOSTI komited dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk memupuk minat para pelajar dan belia terhadap STI menerusi program Malaysia Techlympics. Antara teknologi yang sedang berkembang pesat adalah teknologi kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) yang banyak digunapakai dalam bidang perniagaan dan industri. Pada tahun ini, dua pertandingan berasaskan AI iaitu *AI Vibe Coding Drone* dan Cabaran *FC-1 Vibe AI* telah diperkenalkan.

Melihat kepada kepentingan teknologi ini kepada negara, antara pengisian aktiviti dan pertandingan Malaysia Techlympics turut menekankan aspek teknologi terkini seperti kecerdasan buatan, pengkodan, pengkomputeran, dron dan banyak lagi sebagai wadah dan pendedahan awal bagi para pelajar dan belia dalam teknologi pesat ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai Malaysia Techlympics dijemput untuk melayari laman web rasmi www.techlympics.my

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
23 Julai 2026